TAHLILAN, YASINAN DAN KENDURI ARWAH SATU TINJAUAN SEMULA

Proper Format/View:
http://fiqh-sunnah.blogspot.com

as-Salaamu `alaikum

Terdapat sebahagian kelompok yang nampaknya kelihatan begitu mempertahankan, memperjuangkan dan membela adat ber-yasinan dan tahlilan (termasuk kenduri arwah mengirim pahala untuk si Mati) yang dinasabkan kepada mazhab Syafieyah, kenyataan ini tidak dapat dinafikan kerana terpampang di muka sebuah akhbar Mingguan keluaran Ahad 27 November 2005.

Dalam hal yang dinyatakan oleh ustaz/golongan berkenaan, sebenarnya mereka bukan memerangi golongan yang membantah amalan kenduri arwah, tahlilan dan yasinan, tetapi sebenarnya beliau telah menghina dan menolak fatwa Imam Syafie kerana dia juga tidak kenal siapa Imam Syafie. Akibatnya dia menipu ummah, kerana jika dia mampu menyelidiki kitab-kitab besar para ulama ulung as-Syafieyah, pasti dia akan temui banyak fatwa-fatwa Imam Syafie dan para ulama besar Syafieyah mengharamkan dan membid'ahkan kenduri arwah, tahlilan, yasinan, mengirim pahala bacaan al-Quran kepada si Mati. Termasuklah jamuan di rumah si Mati pada hari kematian, dihari kedua, ketiga, ketujuh, keempat puluh, keseratus, setahun dan lebih dari itu.

Rujuklah ke dalam kitab *I'anatu at-Talibin* juz 2. hlm. 146, tercatit: **Imam Syafie berfatwa:**

ويكره اتخاذ الطعام فى اليوم الأول والثالث وبعد الأسبوع ونقل الطعام الى القبر فى المواسم

"Dan dilarang menyediakan makanan pada hari pertama kematian, hari ketiga dan seterusnnya sesudah seminggu. Dilarang juga membawa makanan ke kuburan".

Menurutnya lagi:

Haram mengadakan kenduri arwah, menikmati hidangan di rumah si Mati, terutama jika si Mati termasuk keluarga yang miskin, menanggung beban hutang, meninggalkan anak-anak yatim yang masih kecil dan waris si Mati mempunyai tanggungan perbelanjaan yang besar dan ramai. Tentunya tidak dipertikaikan bahawa makan harta anak-anak yatim hukumnya haram.

Di dalam kitab *I'anatu at-Talibin* jld. 2. hlm. 146 dan di halaman 147: **Imam Syafie berfatwa:**

وقال ايضا : ويكره الضيافة من الطعام من أهل الميت لأنه شرع فىاسرور وهي بدعة

"Dibenci bertetamu dengan persiapan makanan yang disediakan oleh ahli si Mati kerana ia adalah sesuatu yang keji dan ia adalah bid'ah".

Dan fatwanya lagi:

ومن البدع المنكرة المكرو فعلها ما يفعلها الناس من الوحشة والجمع والأربعين بل كل ذلك حرام

"Antara bid'ah yang mungkar ialah kebiasaan orang yang melahirkan rasa kesedihannya sambil berkumpul beramai-ramai melalui upacara (kenduri arwah) dihari keempat puluh (empat pulu harinya) pada hal semuanya ini adalah haram".

Para Ulama Besar As-Syafieyah Semuanya Mengharamkan Tahlilan, Yasinan & Kenduri Arwah

Berkumpul-kumpul di rumah si Mati, sama ada kerana kenduri arwah, tahlilan dan yasinan, sama ada dihari pertama kematian, dihari ketiga, ketujuh, keempat puluh, keseratus, setahun dan dihari-hari seterusnya adalah perbuatan haram dan bid'ah menurut fatwa Imam Syafie dan para ulama besar Syafieyah. Akan diutarakan satu persatu nama-nama ulama besar yang bermazhab as-Syafie di dalam tulisan ini yang mengharamkan perbuatan tersebut yang dianggap sebagai bid'ah yang mungkar. Antara para ulama tersebut ialah:

(1). Imam Asy-Syairaziy As-Syafie, beliau berkata: *"Dibenci berkumpul (di rumah si Mati) dengan alasan untuk takziyah, kerana itu adalah mengada-adakan yang baru, sedangkan mengada-adakan yang baru itu adalah bid'ah".* **(Lihat: Al-Majmu Syarah Muhazzab, hlm. 305-306)**

(2). al-Allamah Ahmad Zaini bin Dahlan menukil: *"Tidak diragukan lagi bahawa mencegah manusia dari perbuatan bid'ah yang mungkar demi untuk menghidupkan sunnah dan mematikan bid'ah, membuka banyak pintu-pintu kebaikan dan menutup pintu-pintu keburukan, (jika dibiarkan bid'ah) setiap orang akan terdedah kepada kemungkaran sehingga memaksa diri mereka melakukan perkara yang haram".* **(Lihat: I'anatu at-Talibin juz 2. hlm. 145-146)**

Kenduri arwah, tahlilan dan yasinan bukan sahaja diharamkan di rumah-rumah, masjid-masjid, surau-surau atau dimanapun sehinggalah di perkuburan, termasuk hari khaul adalah diharam dan dibid'ahkan oleh Imam Syafie:

Berkata Imam Syafie: *"Apa yang diamalkan oleh manusia dengan berkumpul dirumah keluarga si Mati dan menyediakan makanan adalah termasuk perbuatan bid'ah yang mungkar".* **(Lihat: I'anatu at-Talibin juz 2 hlm. 145)**

Di dalam kitab fikh Hasiyahtul Qulyubi juz. 1 hlm. 353 atau di kitab Hasiyatani Qulyubi – Umairah. juz. 1 hlm. 414:

(3). Di dalam kitab fikh (حاشية القليوبي) juz. 1 hlm. 353 atau di kitab (حاشيتان - قليوبى – عميرة) juz. 1 hlm. 414 dapat dinukil ketegasan Imam ar-Ramli rahimahullah yang mana beliau berkata:

قَالَ شَيْخُنَا الرَّمْلِى : وَمِنَ الْبِدَعِ الْمُنْكَرَةِ الْمَكْرُوْهِ فِعْلُهَا كَمَا فِى الرَّوْضَةِ مَا يَفْعَلُهُ النَّاسُ مِمَّا يُسَمَّى الْكِفَارَةَ وَمِنْ صُنْعِ طَعَامٍ لِلاِجْتِمَاعِ عَلَيْهِ قَبْلَ الْمَوْتِ اَوْبَعْدَهُ وَمِنَ الذَّبْحِ عَلَى الْقُبُوْرِ ، بَلْ كُلُّ ذٰلِكَ حَرَامٌ اِنْ كَانَ مِنْ مَالِ مَحْجُوْرٍ وَلَوْ مِنَ التَّرِكَةِ ، اَوْ مِنْ مَالِ مَيِّتٍ عَلَيْهِ دَيْنٌ وَتَرَتَّبَ عَلَيْهِ ضَرَرٌ اَوْ نَحْوُ ذٰلِكَ.

"Telah berkata Syeikh kita ar-Ramli: Antara perbuatan bid'ah yang mungkar jika dikerjakan ialah sebagaimana yang dijelaskan di dalam kitab "Ar-Raudah" iaitu mengerjakan amalan yang disebut "kaffarah" secara menghidangkan makanan agar dapat berkumpul di rumah si Mati sama sebelum atau sesudah kematian, termasuklah (bid'ah yang mungkar) penyembelihan untuk si Mati, malah yang demikian itu semuanya haram terutama jika sekiranya dari harta yang masih dipersengketakan walau sudah ditinggalkan oleh si Mati atau harta yang masih dalam hutang (belum dilunas) atau seumpamanya".

Di dalam kitab Al-Fiqh 'Alal Mazhabil 'Arb'ah jld.1 hlm. 539 dijelaskan tentang haramnya kenduri arwah: "Termasuk bid'ah yang dibenci ialah apa yang menjadi amalan orang sekarang, iaitu menyembelih beberapa sembelihan ketika si Mati telah keluar dari rumah. Ada yang melakukan sehingga kekuburan atau menyediakan makanan kepada sesiapa yang datang berkumpul untuk takziyah".

(4). Imam Nawawi, Imam Ibn Kathir, Imam ar-Ramli mereka menukil fatwa Imam as-Syafie: *"Dan aku telah memakruhkan (mengharamkan – makruh pada kalam as-Syafie adalah haram) makan, iaitu berkumpul di rumah (si Mati) walaupun bukan untuk tangisan (ratapan)".*

(5). Imam Ibn Hajar al-Asqalani: *"Adapun menyediakan makanan oleh keluarga si Mati dan berkumpul beramai-ramai di rumah (si Mati) tersebut maka itu adalah bid'ah bukan sunnah".* Dan lagi *"Apa yang telah menjadi kebiasaan manusia menjemput orang dan menyediakan hidangan makanan oleh keluarga si Mati adalah bid'ah yang dibenci, termasuklah dalam hal ini berkumpul beramai-ramai di rumah keluarga si Mati kerana terdapat hadis sahih dari Jarir bin Abdullah berkata: Kami menganggap berkumpul beramai-ramai (berkenduri arwah) di rumah si Mati dan menyiapkan makanan sebagai ratapan".* **H/R Ahmad 2/204 dan Ibn Majah 1612 dengan sanad yang sahih dari jalan Ismail bin Abi Khalid dari Qais bin Abi Hazim. Lihat: I'anatu at-Talibin juz. 2 hlm. 146.**

Dalam hadis di atas ada kalimah "Kami menganggap/memandang", ini menunjukkan ijmaknya para sahabat, maka ijmak sahabat adalah hujjah qati'ah (pemutus) yang tidak boleh ditolak. Maka bagaimana ustaz tersebut mengatakan amalan kenduri arwah berkumpul di rumah si Mati itu sunnah? Sedangkan nyata ia adalah bid'ah.

Ustaz tersebut mempertahankan amalan berkumpul di rumah si Mati atau dimana sahaja untuk yasinan, tahlilan dan kenduri arwah (dengan niat menghadiahkan pahala bacaan kepada orang mati) kerana beralasan dengan hadis yang mungkar, iaitu hadis: *"Barangsiapa yang menziarahi kubur orang tuanya atau salah seorang dari keduanya pada hari Jumaat, kemudian membacakan surah Yasin, maka akan diampunkan dosanya".* Hadis ini batil, palsu dan tidak ada asal usulnya. Dalam sanadnya ada si 'Amar pemalsu hadis, yang mana banyak meriwayatkan hadis batil. Daraqutni berkata: *"Amar adalah seorang pemalsu hadis"*. **Lihat: Kitab Al-Maudu'at, Juz 3 hlm. 239. Lihat: I'anatu at-Talibin. Juz 2. Hlm. 146.**

(6). Imam Muzani yang sezaman dengan Imam Syafie mengharamkan menghadiahkan pahala bacaan kepada si Mati (sama ada cara yasinan, tahlilan atau kenduri arwah), beliau berkata: *"Rasulullah s.a.w telah memberi tahu sebagaimana Allah memberi tahu: Bahawa dosa tiap-tiap orang adalah buat kecelakaan dirinya sendiri sebagaimana amalannya itu buat kebaikan dirinya sendiri bukan untuk kecelakaan orang lain"*.

Di jelaskan oleh Ibn Taimiyah: *"Bukan menjadi suatu kebiasaan bagi para Salaf as-Soleh apabila mereka mengerjakan solat-solat sunnah, berpuasa, haji dan **membaca al-Quran** lalu pahalanya dihadiahkan kepada si Mati"* Lihat kitab Ali Abdul al-Kafi as-Subki "Takmilatul Majmu". Syarah Muhazzab jld. 10 hlm. 417. Imam an-Nawawi juga berkata: *"Adapun bacaan al-Quran, yang masyhur dikalangan mazhab Syafie tidak sampai pahala bacaan yang dikirim kepada si Mati".* **Lihat: Al-Khazin al-Jaml. juz. 4 hlm. 236 dan "Syarah Muslim" juz 1 hlm. 90.**

(7). As-Subki ulama besar Syafieyah berfatwa: *"Pembacaan al-Quran dan menghadiahkan pahalanya kepada si Mati, membayar solatnya dan sebagainya, maka menurut Imam Syafie dan jumhur ulama Syafie adalah tidak sampai kepada si Mati.* Penjelasan seperti ini telah diulang-ulang (oleh Imam an-Nawawi) dalam kitab syarah Muslim". Dan **lihat: Takmilatul al-Majmu' – Syarah al-Muhazzab di dalam kitab juz 10 hlm. 426.**

(8). Al-Haitami menjelaskan: *"Mayat tidak boleh dibacakan al-Quran sebagaimana keterangan yang ditetapkan oleh orang-orang terdahulu, bacaan al-Quran pahalanya tidak sampai kepada si Mati, lantaran pahala bacaan hanya untuk si Pembaca. Pahala amalan tidak boleh dipindah-pindahkan dari si Pembuat berdasarkan firman Allah Ta'ala: Dan manusia tidak memperolehi pahala kecuali dari amalan yang dikerjakannya sendiri".* Lihat: **al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyah** (dalam penjelasan perkara ini)

(9). Imam Syaukani (ulama tafsir) berkata: *Seseorang tidak akan mendapat melainkan atas usahanya sendiri. Lafaz dalam ayat ini termasuk umum yang mukhasas, oleh itu tidak tepat kalau ada yang berkata bahawa ayat ini telah dimansuhkan dalam urusan ini, kerana yang khas tidak boleh memansuhkan lafaz umum, tetapi hanya sebagai takhsisnya sahaja. Maka apabila ada dalil lain yang boleh menentukan bahawa seseorang memperolehi manfaat dari amal orang lain, maka dalil itu sebagai takhsisnya bukan sebagai nasikh serperti ayat yang terdapat di surah ath-Thur: (Kami akan hubungkan dengan mereka itu anak cucu mereka)".*

HUKUM MEMBACA AL-QUR'AN BERAMAI-RAMAI (BERJEMA'AH) DAN MENGIRIM PAHALA BACAAN

Membaca al-Fatihah, Surah al-Ikhlas, al-Falaq, an-Nas,Yasin dan beberapa ayat lain secara beramai-ramai bertentangan dengan nas al-Quran, hadis-hadis sahih dan athar para sahabat. Firman Allah: *"Apabila dibacakan al-Quran, maka dengarkanlah baik-baik, dan perhatikanlah dengan tenang agar kamu mendapat rahmat".* (Al-A'raaf 7:204).

Al-Quran bukan untuk dibacakan kepada si Mati, kerana orang mati tidak mampu mendengar perintah al-Quran, firman Allah: *"Sesungguhnya kamu tidak dapat menjadikan orang-orang mati itu mendengar".* (An-Naml: 27:80).

"Tdak sama orang yang hidup dan orang yang mati, sesungguhnya Allah memberikan pendengaran kepada siapa yang dikehendakiNya dan kamu sekali-kali tiada sanggup menjadikan orang yang dalam kubur mendengar".

PERBUATAN BAIK ANAK YANG SOLEH

Apabila seseorang mati, terputus dengan dunia kecuali tiga perkara, sebagaimana hadis: *"Apabila mati seseorang insan, putuslah semua amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak soleh yang mendoakannya."* (Hadis Riwayat Muslim)

Ibn Abbar berkata: *Seorang lelaki datang kepada Nabi s.a.w bertanya: Ya Rasulullah! Ibuku telah meninggal sedangkan dia masih berhutang puasa sebulan belum dibayar, apakah boleh aku membayarnya untuk ibuku? Baginda menjawab: Andaikata ibumu menanggung hutang apakah engkau yang membayarnya? Beliau menjawab: Ya! Maka baginda bersabda: Hutang kepada Allah lebih patut dibayarnya".*

"Dari 'Aisyah berkata: *Bahawasanya seorang lelaki datang kepada Nabi s.a.w dan berkata: Wahai Rasulullah! Ibuku telah mati mendadak, sehingga dia tidak berkesempatan untuk berwasiat dan saya rasa andaikan ia mendapat kesempatan berkata tentu dia berwasiat. Adakah ia mendapat pahala jika aku bersedekah untuknya? Baginda menjawab: Ya!".*

Ibn Abbas berkata: *Seorang perempuan Juhainah datang kepada Nabi s.a.w bertanya: Ibuku nazar akan mengerjakan haji, tetapi dia meninggal sebelum menunaikan nazarnya, boleh aku menghajikannya? Baginda menjawab: Ya, hajikan untuknya! Bagaimana sekiranya ibumu menanggung hutang, apakah engkau yang membayarnya? Bayarlah hak Allah, kepada Allah lebih layak orang membayarnya".*

Ibnu Abbas berkata: *Seorang lelaki menemui Nabi Muhammad s.a.w lalu bertanya: Ayahku telah meninggal dan belum mengerjakan haji, apakah boleh aku menghajikannya? Baginda menjawab: Bagaimana jika ayahmu meninggalkan hutang, apakah kamu yang membayarnya? Jawabnya: Ya! Baginda bersabda: Maka hajikanlah untuk ayahmu".*

Ibn Abbas berkata: *Ibu Sa'ad bin 'Ubadah meninggal sedang Sa'ad tidak ada. Lalu Sa'ad berkata: Wahai Rasulullah! Ibuku meninggal diwaktu aku tidak ada di rumah, apakah kiranya berguna baginya jika aku bersedekah? Baginda menjawab: Ya! Berkata Sa'ad: Saya persaksikan kepadamu bahawa kebun kurma yang berbuah itu sebagai sedekah untuknya".*

Dari Ibn Abbas: *Seorang wanita suku Khasy'am menemui Nabi Muhammad lalu bertanya: Ya Rasulullah! Kewajipan Allah atas hambaNya berhaji telah menimpakan ayahku yang sangat tua sehingga tidak dapat berkenderaan, apakah boleh aku menghajikannya? Baginda menjawab: Ya boleh! Dan pertanyaan ini terjadi ketika haji al-Wada'.*

Dari Abi Hurairah: *Ada seorang lelaki menemui Nabi dan berkata: Ayahku telah meninggal, dia meninggalkan harta dan tidak berwasiat, maka apa berguna baginya jika aku bersedekah untuk dia? Jawab baginda: Ya!".*

Al-Quran Untuk Yang Hidup, Bukan Untuk Si Mati

Menghadiahkan pahala bacaan al-Quran kepada si Mati, dihukum bid'ah, haram dan tidak sampai oleh para ulama besar as-Syafieyah. Mereka berdalilkan firman Allah: *"Al-Quran itu tidak lain hanyalah pelajaran dan kitab yang memberi penerangan supaya dia memberi peringatan kepada orang-orang yang hidup".* (Yasin: 36:69-70)

Kerana orang mati hanya bertanggungjawab di atas apa yang telah diamalkan oleh dirinya, kerana Allah berfirman: *"Sesungguhnya seseorang itu tidak akan menanggung dosa seseorang yang lain dan bahawasanya manusia tidak akan memperolehi ganjaran melainkan apa yang telah ia kerjakan".* (An-Najm: 53:38-39)

(10). Berkata Ibn Kathir rahimahullah yang bermazhab as-Syafie: *"Melalui ayat ini, Imam Syafie dan para pengikutnya mengambil hukum bahawa pahala bacaan dan hadiah pahala tidak sampai kepada si Mati kerana bukan dari amal mereka dan bukan usaha meraka. Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w tidak pernah mensyariatkan umatnya dan mendesak agar melakukan perkara tersebut".*

Imam as-Syaukani menjelaskan: *"Seseorang tidak mendapat melainkan balasan atas usahanya dan ganjaran amalan, ia tidak memberi manfaat kepada seseorang akan amalan orang lain."*

Menurut Ibn Kathir ayat ini bermaksud: *"Sebagaimana tidak dipikulkan dosa orang lain begitu juga ia tidak mendapat ganjaran melainkan apa yang telah ia kerjakan sendiri".*

Ibn Kathir menegaskan: *"Sesungguhnya manusia itu hanya menerima balasan menurut amalnya, jika baik maka baiklah balasannya, jika buruk maka buruklah balasannya".* Dan berkata lagi: *"Tidak pernah disalin perkara (menghadiahkan bacaan kepada si Mati) walaupun seorang dari kalangan para sahabat radiallahu 'anhum. Jika sekiranya ia suatu yang baik pasti mereka telah mendahului kita melakukannya".*

Imam Ibnu Jarir at-Tabari menafsirkan ayat ini: *"Bahawasanya seseorang itu tidak menerima balasan dari amalnya, melainkan apa yang telah dikerjakannya sendiri, sama ada itu baik atau buruk".*

Imam Ibnu Jarir at-Tabari menjelaskan: *"Tidak diseksa seseorang itu dengan sesuatu seksaan jika ia tidak mengerjakan dosa tersebut, dan tidak diberi ganjaran di atas amal soleh untuk orang yang tidak mengerjakannya ".*

(11). Fakhuruddin ar-Razy (Tafsir FakrurRazi) bermazhab Syafie menafsirkan: *"Sesungguhnya kebaikan orang lain tidak memberi manfaat kepada orang lain yang tidak melakukannya, sesiapa yang tidak beramal soleh ia tidak mendapat kebaikannya. Maka cukuplah dengan ayat ini sudah jelas bahawa orang yang berdosa tidak boleh mendapat ganjaran dengan sebab kebaikan orang lain dan tidak seseorangpun akan menanggung dosanya".*

(12). Imam Jalalain (Tafsir Jalalain) bermazhab as-Syafie menegaskan: *"Maka seseorang tidak akan mendapat apa-apapun dari usaha orang lain".*

Menurut jumhur ulama tafsir, terutamanya Ibn Abbas: *"Telah berkata 'Aisyah ketika mendengar hal tersebut: Cukuplah bagi kamu ayat al-Quran. Bahawa kamu tidak (dipertanggung-jawabkan) untuk memikul dosa orang yang lain".* ***H/R Bukhari dan Muslim.***

Ibn Kathir menjelaskan: *"Seseorang jiwa hanya dibalas menurut amalannya. Jika baik maka baiklah balasannya dan jika amalannya jahat maka jahatlah balasannya".* Setiap insan hanya

menuai apa yang disemainya, firman Allah: *"Sesiapa yang mengerjakan amal yang soleh maka untuk dirinya sendiri dan sesiapa berbuat kejahatan maka (dosa-dosanya) atas dirinya sendiri dan tidaklah Tuhanmu menganiaya hambaNya".*(Fushilat 41: 46)

"Kamu tidak akan diberi balasan kecuali apa yang telah kamu kerjakan". (as-Saffat 37:39)

"Baginyalah apa yang dia kerjakan dan atasnyalah apa yang dia usahakan". (al-Baqarah: 2:286).

"Sesiapa yang kafir maka dia sendirilah yang menanggung kekafirannya dan sesiapa yang beramal soleh maka untuk diri mereka sendiri". (Ar-Rum: 30:44).

"Sesiapa yang melakukan kejahatan maka dia tidak akan dibalas melainkan sebanding dengan kejahatan". (Al-Mukmin 40:40).

"Sesiapa beramal secara yang bersesuaian dengan hidayah, sesungguhnya dia telah berbuat untuk dirinya sendiri ***dan sesiapa yang sesat, kesesatan itu bagi dirinya sendiri. Seseorang yang berdosa tidak dapat memikul dosa orang lain****".* (al-Isra' 17:15)

"Sesiapa yang membersihkan dirinya maka dia telah membersihkan dirinya sendiri". (Fatheer 35:18)

"Hendaklah kamu takut kepada satu hari yang tidak boleh seseorang melepaskan sesuatu apa pun dari seseorang yang lain". (Al-Baqarah 2: 123)

"Pada hari tidak seorang pun teraniaya sedikit juapun dan tidak dibalas pada kamu melainkan apa yang kamu telah kerjakan". (Yasin 36: 54)

"Hai manusia! Hendaklah kamu takut kepada satu hari (di akhirat) yang (di dalamnya) tidak boleh seseorang bapa melepaskan (sesuatu apa pun) dari anaknya dan tidak pula anaknya boleh melepaskan sesuatu apa dari ayahnya". (Luqman 31: 33)

"Sesiapa yang bekerja keras (di dunia) maka tidak lain melainkan untuk dirinya sendiri". (al-Ankabut 29:6)

(13). Imam Fakhrurddin ar-Razi (bermazhab as-Syafie) memberi komentar tentang menghadiahkan pahala amalan kepada orang mati: *"Sesungguhnya kebaikan orang lain tidak boleh memberi manfaat kepada orang yang lain kerana sesiapa yang tidak beramal soleh ia tidak akan mendapat kebaikannya. Maka cukuplah dengan ayat ini sudah sempurna dan jelas bahawa orang yang berdosa tidak boleh mendapat ganjaran dengan kebaikan orang lain dan tidak ada orang lain yang boleh menanggung segala dosanya".*

Imam at-Tabari yang pakar dalam ilmu tafsir dan fiqh as-Syafie menerangkan:

"Bahawasanya tidak akan dibalas seseorang yang beramal melainkan mengikut amalannya, jika baik dibalas baik dan jika buruk akan dibalas buruk". Kerana banyak nas-nas al-Quran yang menjelaskan perkara ini antaranya: *"Tiap-tiap jiwa (seseorang) bergantung kepada apa yang telah ia usahakan (semasa hidupnya)".* (at-Thuur 52:21)

"Dan sesungguhnya manusia itu tidak akan mendapat melainkan apa yang telah diusahakan". (An-Najm 53:39)

"Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan sebesar debu pasti dia akan melihatnya dan sesiapa yang mengerjakan kejahatan seberat debu pasti dia akan melihatnya". (al-Zalzalah 99: 7-8)

"Pada hari seseorang itu akan melihat apa yang telah diusahakan oleh kedua tangannya". (an-Naba' 78:41)

Tahlilan, yasinan, menghadiahkan pahala bacaan kepada orang mati dan kenduri arwah sama sekali tidak ada dalilnya, tidak pernah diperintahkan oleh Rasulullah dan para sahabat atau para Salaf as-Soleh tidak pernah melakukannya, oleh yang demikian Imam as-Syafie menghukumnya bid'ah berdasarkan hadis: *"Sesiapa yang melakukan sesuatu perbuatan yang bukan dari suruhan kami maka ia tertolak (sia-sia dan bid'ah)".* (Hadis Riwayat Muslim)

Jangan Berpegang Dengan Hadis Lemah Dan Batil

Ibnu Umar pernah berwasiat, apabila beliau wafat agar dibacakan di atas kuburnya al-Fatihah dan beberapa ayat terakhir dari surah al-Baqarah. Athar Ibn 'Umar ini batil, bertentangan dengan amalan para sahabat, lemah dan syaaz, tidak boleh dijadikan hujjah: *"Dan apa yang telah diriwayatkan dari Ibn 'Umar bahawasanya beliau mewasiatkan agar dibacakan al-Fatihah dan ayat-ayat terakhir dari surah al-Baqarah di atas kuburnya, maka itu adalah athar yang syaaz (tidak sahih) dan tidak sahih pula sanadnya. Dan tidak pernah dipersetujui (diterima) walaupun oleh seorang sahabat."*

Hadis yang menyuruh dibacakan al-Quran kepada orang mati adalah hadis lemah. Di sanadnya terdapat Saad, dikenali sebagai Abu 'Uthman (majhul). Hadis yang dimaksudkan ialah: *"Bacakanlah oleh kamu (surah Yasin) ke atas orang yang hampir mati dari kalangan kamu".* (Hadis Dhoif)*.*

Menurut hadis sahih, perkara yang sunnah dilakukan kepada orang nazak ialah mengajarkan kalimah tauhid sebagaimana hadis: *"Ajarkanlah oleh kamu orang-orang yang nazak di kalangan kamu dengan kalimah: La ilaha illallah".* (Rujuk: Ahkamul Janaiz, Sheikh Muhammad Nashiruddi al-Albani)

"Ajarkanlah oleh kamu orang-orang yang nazak di kalangan kamu dengan kalimah: La ilaha illallah". H/R Muslim (1527), al-Janaiz Turmizi (18980). Al-Janaiz Abu Daud (2710), al-Janaiz Nasaii (1803). Al-Janaiz Ibn Majah (1430). Ahmad (10570P)

Antara hujjah mereka yang menghalalkan yasinan, tahlilan dan menghadiahkan pahala bacaan kepada si Mati: *"Barangsiapa membaca Qulhuwallahu Ahad seribu kali, sesungguhnya ia telah membebaskan dirinya dari api neraka".* (Hadis Palsu)***.***

Mendoakan si Mati adalah sunnah hukumnya bersandarkan kepada ayat-ayat di bawah ini: *"Dan orang-orang yang datang sesudah mereka itu akan berkata: Wahai Tuhan kami, ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman sebelum kami!"* (al-Hasyr 59:10

"Ya Tuhan kami, berilah keampunan kepadaku dan kedua ibu bapaku dan sekalian orang-orang mukmin pada hari terjadinya hisab (Hari Kiamat)!" (Ibrahim 14:41)

"Dan minta ampunlah bagi dosa-dosamu dan bagi orang-orang yang beriman". (Muhammad 47: 19)

Mengkhususkan ibadah di malam-malam tertentu atau berpuasa dihari-hari tertentu adalah haram dan bid'ah, iaitu berdasarkan hadis dari Abi Hurairah: *Janganlah kamu khususkan malam Jumaat untuk melakukan ibadah antara malam-malam yang lain dan janganlah kamu menentukan Hari Jumaat sahaja untuk berpuasa antara hari-hari yang lain, kecuali memang singgah puasa (tidak secara langsung) yang dikerjakan oleh seseorang kamu."*

Dari Abu Hurairah: *Setiap umatku akan masuk syurga kecuali orang yang enggan. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah orang yang enggan itu!? Rasulullah menjawab: Sesiapa yang taat kepadaku maka dia masuk syurga dan sesiapa yang durhaka kepadaku maka sesungguhnya dia telah enggan".* Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberi peringatan dengan firman-Nya: *"Maka hendaklah diawasi oleh mereka yang menyalahi perintahnya (perintah Allah dan Rasul) bahawa mereka akan ditimpa fitnah atau ditimpa oleh seksa yang pedih".* (an-Nuur 24: 63)

Rasulullah bersabda: "Aku telah tinggalkan pada kamu agama ini dalam keadaan putih bersih. Malamnya seperti siangnya yang tidak ada menyimpang daripadanya setelah (kewafatanku kecuali akan ditimpakan kepadanya) kehancuran".

Imam Syafie berfatwa: *"Aku suka kalau jiran si Mati atau saudara mara si Mati menyediakan makanan untuk keluarga si Mati pada hari kematian dan malamnya sehingga mengenyangkan mereka. Sesungguhnya itulah amalan yang sunnah".* Fatwa Imam Syafie ini berdasarkan hadis: *"Abdullah bin Ja'far berkata: Ketika tersebar tentang berita terbunuhnya Ja'far, Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Hendaklah kamu menyediakan makanan untuk keluarga Ja'far, mereka telah ditimpa keadaan yang menyebukkan (kesusahan)".* (Dihasankan oleh at-Turmizi dan di sahihkan oleh al-Hakim)

FATWA ULAMA NUSANTARA

Ulama besar dan masyhur Nusantara telah mengharamkan tahlilan, yasinan dan kenduri arwah. Antara mereka:

(14). Syeikh Daud Al-Fatani rahimahullah, beliau menghukum makruh lagi bid'ah mengadakan kenduri dan menjemput orang untuk makan kenduri di rumah si Mati. Lihat kitab: "Bughyatul Tullab" (**بغية الطلاب**) hlm. 33-34)

(15). Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari rahimahullah. Seorang ulama Melayu bermazhab as-Syafie. Lihat dalam kitab "Sabilul Muhtadin" (سبيل المهتدين) jld. 2 hlm. 87. Beliau berkata: "Dan makruh lagi bid'ah bagi yang kematian memperbuat makanan yang diserukannya segala manusia atas memakan dia dahulu daripada menanam dia dan kemudian daripadanya seperti yang telah teradat".

Seterusnya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari berfatwa:

"Dan demikian juga makruh lagi bid'ah bagi segala mereka yang diserunya memperkenankan seruannya, dan haram menyediakan makanan akan yang menangis dengan menyawak kerana yang demikian itu menolong atas berbuat maksiat".

(16). Ibnu Muhammad al-Fatani. Beliau telah mengharamkan kenduri arwah (termasuk tahlilan dan yasinan) sebagaimana dijelaskan oleh beliau dalam kitab Kasyaf al-Latham 'an-Asilatil Anam. Juz. 1 hlm. 89.

Syeikh Zainul Abidin Bin Muhammad al-Fatani. Seorang ulama bermazhab as-Syafie. Beliau berkata di dalam kitab "Kashfu al-Litham" jld. 1 hlm. 85. Beliau menjelaskan:

"Barang yang dikerjakan oleh ahli mayat daripada memperusahakan makanan dan berhimpun manusia atasnya dahulu daripada tanam mayat dan kemudian daripadanya dan menyembelih pada kubur dan demikian lagi yang dikerjakan oleh manusia dengan barang yang dinamakan dia dengan kaffarah dan daripada dikerjakan wahshah yakni berhimpun memberi makan awal malam kemudian daripada ditanam mayat dan tujuh hari dan dua puluh dan empat puluh dan umpama yang demikian itu seperti yang diperbuat oleh kebanyakan orang itu maka adalah segala yang tersebut itu makruh yang dicela oleh syara kerana tegah pada syara".

Benarkah Yasinan, Tahlilah Adalah Perbuatan Yang Baik

Oleh kerana yasinan, tahlilan dan kenduri arwah (menghadiahkan pahala bacaan kepada orang mati) tidak terdapat dalilnya dalam syara, maka segolongan ustaz beralih pendapat dengan beralasan menggunakan kaedah beristihsan (menganggap/bersangka baik) terhadap perbuatan tersebut. Padahal inilah sangkaan yang dianggap mungkar oleh Imam Syafie *rahimahullah* kerana **Imam Syafie berkata:** *"Sesiapa yang beristihsan (menyangka baik satu-satu amalannya yang direka), bererti dia telah membuat satu syariat (dan sesiapa yang membuat syariat, maka ia sudah kafir)".* Lihat: "Kitab ar-Risalah"

Jika para ustaz yang bertindak mempertahankan adat yasinan dan tahlilan itu jujur mengajak umat Islam di Malaysia kembali kepada mazhab as-Syafie untuk membolehkan yasinan, tahlilan, kenduri arwah dan membaca al-Quran untuk orang mati, silalah buktikan dengan hujah yang jelas. Diharap beliau mampu membawakan fatwa Imam as-Syafie disamping menunjukkan dalil dari al-Quran dan hadis sahih.

Beberapa Petikan Daripada Beberapa Kitab Yang Lain Berkenaan Kenduri Arwah

Yang Pertama:

Hadith yang sahih dikeluarkan oleh Abu Daud, A1-Tarmizhi dan Ibnu Majah dari Abdullah bin Jafar, beliau berkata, **"Apabila tiba berita kematian Ja'far (bin Abi Talib), Nabi bersabda:**

Maksudnya: "Hendaklah kamu membuat makanan kepada ahli Ja'far (isteri dan anak-anaknya), sesungguhnya telah menimpa mereka perkara yang mengharukan".

Dalam Hadith di atas, Rasulullah s.a.w. mengarahkan jiran tetangga yang tinggal berhampiran dengan keluarga si mati membuat makanan kepada mereka yang ditimpa musibah dukacita kematian. Ja'far bin Abi Talib mati syahid dalam peperangan Mu`tah pada tahun kelapan Hijrah, sebaik sahaja berita kematiannya sampai, Nabi menyuruh jiran tetangganya melakukan perkara itu kepada keluarganya supaya meringankan beban dukacita dengan memberi makanan kepada mereka.

Yang Kedua

Hadith Jarir bin Abdullah r.a, Maksudnya: **"Kami mengira perhimpunan orang ramai kepada ahli si mati dan membuat makanan selepas pengkebumiannya adalah dari ratapan kematian"**

Diriwayatkan oleh Ahmad b. Hanbal dan Ibnu Majah dengan isnad yang sahih.

Hadith di atas menunjukkan kepada kita, bahawa orang ramai yang berhimpun di rumah ahli si mati dan memakan makanan yang dimasak dan dihidangkan oleh ahli si mati adalah dari perbuatan ratapan. Ratapan selepas kematian adalah perbuatan jahiliah dan hukumnya haram, sebagaimana dimaklumi.

Kedua-dua buah Hadith yang dipaparkan itu adalah terdiri dari Hadith-Hadith sahih. Hadith sahih amat tinggi martabatnya di mana ia menjadi sumber hukum yang kedua selepas kitab suci Al-Quran. Perbincangan di kalangan Imam-Imam mujtahid dan ulamak-ulamak agung dari empat mazhab mengenai hukum menjamu makan selepas kematian adalah pada asalnya berdasarkan kepada dua Hadith berkenaan.

Betapa kuatnya sesuatu hukum yang bersandarkan kepada Hadith sahih, sehingga Imam Syafiiy pernah menegaskan mengenai perkara itu, maksudnya, **"Apabila sahihnya Hadith, maka itulah mazhab aku, jika tidak sahih, hendaklah kamu campakkannya di belakang dinding"**.

3- Pandangan Ulamak Mengenai Menjamu Makanan Dan Perhimpunan Selepas Kematian.

Di bawah ini diperturunkan pesanan ulamak besar lagi mujtahid:

3-1 Imam Al-Syafi'e menegaskan dalam kitabnya (Al-Umm):

Maksudnya Aku suka jiran si mati atau orang yang mempunyai pertalian keluarga dengannya (keluarga jauh) memberikan makan kepada ahli mayat yang mengenyangkan mereka pada hari malamnya kerana itu adalah sunnah dan ingatan (zikir) yang mulia dan ianya perbuatan golongan yang baik-baik sebelum dan selepas kita, kerana apabila tiba berita kematian Jafar,

Rasulullah s.a.w. bersabda, **“Buatlah kamu makanan kepada keluarga Ja’far kerana telah menimpa mereka perkara yang mengharukan”**.

Maksudnya: **“Aku benci diadakan ma`tam iaitu perhimpunan, walaupun tidak ada tangisan kepada mereka, kerana sesungguhnya perbuatan itu memperbaharui dukacita dan membebankan makanan”**.

3-2 Kata Imam Nawawi dalam Kitab Al-Majmu :-

Telah berkata Al-Syafiiy dalam Al-Mukhtasar: **“Aku suka kepada kaum kerabat si mati dan kepada jirannya membuat makanan kepada ahli mayat yang mengenyangkan mereka pada hari dan malamnya, sesungguhnya ia adalah sunnah, dilakukan oleh golongan baik-baik. Kata Ashab kita (iaitu ulamak Fiqah Syafiiy) membuat pelawaan sungguh-sungguh supaya ahli mayat itu makan, walaupun mayat berada di negeri lain di sunatkan juga kepada jiran keluarga si mati membuat makanan untuk mereka”.**

3-3 Mengikut Kitab Al-Fiqahi Ala Al-Madhahib Al-Arbaah:

Setengah daripada perbuatan bid’ah yang makruh apa yang dibuat oleh manusia sekarang ialah melakukan penyembelihan ketika turunnya mayat dari rumah, ataupun semasa mayat berada di kubur. Hukumnya bid’ah dan makruh menyediakan makanan kepada mereka yang berkumpul untuk memberi takziah, dihidangkan makanan untuk mereka seperti dilakukan (menjamu makanan) di majlis-majlis atau perayaan kerana kegembiraan.

Jika memberi makan kepada orang ramai selepas suatu kematian sedangkan pewaris itu belum cukup umur, maka hukumnya haram. Sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibnu Majah dari Jarir bin Abdullah beliau berkata : **“Kami mengira perhimpunan orang ramai kepada ahli si mati dan membuat makanan selepas pengkebumiannya adalah dari ratapan kematian”**.

3-4 Syeikh al-Islam Ibnu Taimiyyah Rahimahullah (al-Fatawaa) berkata:

“Manakala ahli si mati membuat makanan dan memanggil orang ramai supaya memakannya, bahawa perbuatan ini tidak disyarakkan bahkan ia bid’ah berdasarkan kepada Hadith Jarir bin Abdullah kami mengira perhimpunan orang ramai kepada ahli si mati dan mereka memasak makanan untuk dijamu orang ramai adalah dari ratapan jahiliyyah”

3-5 Didalam Kitab Fiqh As-Sunnah, Oleh Sayyid Sabiq menyebut:

Di sunatkan membuat makanan kepada ahli si mati, kerana ianya dari perkara kebajikan dan taqarrub kepada Allah dari jiran tetangga dan dari kaum kerabat (yang jauh). Imam Syafiiy berkata:

Aku suka kaum kerabat si mati membuat dan memberi makan kepada ahli mayat yang boleh mengenyangkan mereka untuk hari dan malamnya, kerana ia adalah sunnah dan perbuatan golongan yang baik-baik.

Ulamak mengatakan sunat mempelawa sungguh-sungguh supaya ahli mayat memakan makanan yang diberikan itu supaya mereka tidak menjadi lemah lantaran tidak menjamah makanan di sebabkan terlampau terkejut dengan peristiwa kematian atau dengan sebab segan.

Imam-imam mazhab telah bersepakat kata bahawa hukumnya makruh ahli si mati membuat makanan untuk dijamu kepada orang ramai yang berkumpul kepada keluarga si mati. Kerana perbuatan itu menambahkan lagi musibah ke atas mereka dan memperbanyakkan lagi kesibukan di atas kesibukan mereka yang sediakan ada dan perbuatan itu tak ubah seperti kelakuan golongan jahiliyyah. Hujah ini berdasarkan Hadith Jarir bin Abdullah: **“Kami**

mengira perhimpunan orang ramai kepada ahli si mati dan membuat makanan selepas pengkebumiannya adalah dari ratapan kematian"

Setengah ulamak mengatakan hukumnya haram ahli si mati membuat makanan untuk dijamu kepada orang ramai.

3-6 Di dalam Kitab Hukmu Al-Quran Lil Amwat menyebut:

Antara bid'ah yang diharamkan ialah ahli si mati menjamu makanan kepada orang yang memberikan takziah atau memberikan makan kepada fakir miskin selepas mengiring jenazah, pada hari Khamis, pada hari ketiga, pada hari keempat puluh dan tahunan. Tetapi yang sunnahnya sahabat handai dan jiran tetangga memberikan makanan kepada ahli si mati kerana Hadith Nabi bersabda: **"Hendaklah kamu memberikan makanan kepada ahli Ja'far, sesungguhnya telah menimpa mereka perkara yang mengharukan"**. Diriwayatkan oleh Tarmidhi dan selainnya dengan sanad yang sahih.

3-7 Di dalam Kitab Ahkam Al-Janaiz Wa Bida'uha, sheikh Muhammad Nashiruddin al-Albani menyebutkan, antara bid`ah apabila terjadinya kematian adalah:

(i) Ahli si mati menerima tetamu dengan memberikan makan kepada mereka.

(ii) Hukumnya bid'ah apabila menerima jemputan bagi jamuan makanan daripada ahli si mati.

3-8 Kitab Sabil Al-Muhtadi

Ringkasan yang difahami dari kitab ini ialah:

(i) Hukumnya bid'ah dan rnakruh jika dibuat kenduri makan selepas kematian dan dijemput orang ramai supaya memakan makanan itu, sama ada jamuan itu diberi sebelum mayat dikebumikan atau selepas dikebumikan..

(ii) Hukumnya juga makruh dan bid'ah kepada sesiapa yang menerima jemputan itu dan menghadirinya.

Teks asalnya berbunyi:

"Dan makruh lagi bid'ah bagi yang kematian memperbuat makanan yang diserukannya manusia atas memakan dia dahulu daripada menanam dia dan kemudian daripadanya seperti yang telah teradat dan demikian lagi makruh lagi bid'ah bagi segala mereka yang diserunya perkenankan seruan".

3-9 Kitab Kasyfu Al-Litham

Ringkasan yang difahami dari kitab ini ialah:

(i) Hukumnya makruh dan dicela oleh syarak bila keluarga si mati memberi makan kepada orang ramai sebelum atau selepas dikebumikan mayat.

(ii) Hukumnya makruh dan dicela oleh syarak membuat penyembelihan di kubur.

(iii) Hukumnya makruh dan dicela oleh syarak apa yang dinamakan kaffarah dan wahsyah iaitu berhimpun dan berkumpul dengan memberi makan kepada orang ramai di malam pertama selepas pengebumian mayat, tujuh hari, dua puluh hari, empat puluh hari dan sebagainya seperti yang telah dijelaskan.

Teks asalnya berbunyi:

"Barang dikerjakan oleh ahli mayat daripada mempersembahkan makanan dan perhimpunan manusia atas dahulu daripada tanam mayat dan kemudian daripadanya

dan menyembelih pada kubur dan demikian lagi yang dikerjakan oleh manusia dengan barang yang dinamakan dengan kaffarah dan daripada dikerjakan wahsyah yakni berhimpun memberi makan awal malam kemudian daripada ditanam mayat dan tujuh hari dan dua puluh hari dan empat puluh hari dan umpamanya yang demikian itu yang dibuat oleh kebanyakan orang itu maka adalah segala yang tersebut itu makruh yang dicela oleh syarak kerana tegah pada syarak."

3-10 Kitab Bahru Al-Madzi

Maksudnya antara lain seperti:

(i) Keluarga si mati memasak makanan dan menghimpun orang ramai dan menjamu mereka makanan itu tidak ada sedikit pun sandaran riwayat yang boleh di pegang dan diikuti dari Nabi s.a.w dan dari sahabatnya.

(ii) Hukumnya bid'ah dan makruh jika keluarga si mati memasak dan mengumpulkan orang ramai dan menjamu mereka, kerana berpandukan Hadith Jarir bin Abdullah katanya, "Kami rnengira perhimpunan orang ramai kepada keluarga si mati dan mereka (keluarga) membuat makanan selepas pengebumian mayat adalah daripada perbuatan ratapan kematian".

(iii) Yang sunnah dan sunat ialah kaum kerabat si mati yang jauh, jiran tetangga dan sahabat handainya memasak dan menjamu kepada ahli atau keluarga si mati sekadar mengenyangkan mereka pada hari dan malamnya.

Bantahan Hadis

Ada sebahagian pihak yang berhujjah dengan menggunakan hadis berikut bagi mempertahankan bolehnya mengadakan kenduri Tahlilan/arwah.

"Daripada 'Asim bin Kulaib daripada seorang lelaki daripada kaum Ansar, dia berkata:

Kami telah keluar bersama Rasullullah s.a.w. pada suatu jenazah, maka aku melihat Rasulullah s.a.w. memesankan kepada penggali kubur, beliau berkata; Lebarkanlah dari bahagian dua kakinya dan bahagian kepalanya. Maka manakala Nabi pulang, datang seorang memanggilnya dari pihak isteri si mati (da'I imra'tihii], maka nabi memperkenankannya dan kami pun bersama-sama beliau lalu di hidangkan makanan. Kemudian Nabi meletakkan tangannya kepada makanan itu dan begitu juga orang banyak lalu mereka makan dan kami melihat Rasullullah s.a.w. mengunyah sesuap dalam mulutnya". (Abu Daud dan Baihaqi)

Jawab:

Prof.T.M. Hasbi Ash-Siddieqy dalam Koleksi Hadis-Hadis Hukum (6: 258) menegaskan bahawa pengarang kitab Subulus Salam (3: 97) menegaskan hadis tersebut adalah tidak sahih. Beliau juga menyebut (dalam Koleksi Hadis-Hadis Hukum 6: 258) bahawa dalam kitab Mizanul Iktidal oleh Az-Zahabi disebutkan telah berkata Imam Yahya Al-Qattan: "Saya tidak mendapati seorang yang bernama 'Asim (salah seorang rawi) melainkan saya mendapatinya seorang yang tidak baik hafalannya".

Dalam kitab yang sama (Mizatul Iktidal) juga disebutkan Imam Ibn Madiniy berkata bahawa 'Asim bin Kulaib adalah orang yang kita tidak dapat berhujah dengan dia apabila sesuatu hadis itu dia saja yang meriwayatkannya (Koleksi Hadis-Hadis Hukum 6: 258-259). Maksudnya, kalau ada satu riwayat dari jalan 'Asim bin Kulaib itu dan tidak ada riwayat melalui jalan lain, maka riwayat atau hadis itu tidak boleh menjadi alasan. Dengan kata lain hadis yang diriwayatkan dari 'Asim adalah lemah dan tidak boleh dijadikan alasan sesuatu hukum.

Penarikan Semula Fatwa Oleh Sheikhul Islam Ibnu Taimiyah

Menurut sebahagian ustaz di malaysia bahawa Syeikhul Islam Ibn Taimiyah mengatakan bahawa adalah sampai pahala bacaan kepada si Mati. Sebenarnya Syeikhul Islam Ibn Taimiyah

telah ruju' (menarik balik dan membatalkan fatwa beliau). Akhirnya beliau kembali kepada fatwa Imam Syafie dan fatwa para ulama yang bermazhab as-Syafie yang mana beliau telah menegaskan:

"Bahawa bukan menjadi suatu kebiasaan bagi para Salaf as-Soleh apabila mereka mengerjakan solat-solat sunnah, berpuasa, haji dan membaca al-Quran lalu pahalanya dihadiahkan kepada orang yang telah mati"

Penarikan semula Syeikhul Islam Ibn Taimiyah terhadap fatwa beliau yang pada asalnya membolehkan (boleh menghadiahkan pahala bacaan al-Quran kepada si Mati), kemudian beliau mengharamkannya, kenyataan ini boleh ditemui di dalam kitab Imam fiqh yang bermazhab Syafie Ali Abdul al-Kafi as-Subki. Lihat: "Takmilatul Majmu" تكملة المجموع - شرح مهذب jld. 10 hlm. 417.

Berkenaan Wasiat Ibnu Umar Radhiallahu 'Anhuma

Berkenaan Wasiat Ibnu Umar Radhiallahu 'Anhuma

Ibnu 'Umar radiallahu 'anhuma berwasiat iaitu apabila beliau wafat hendaklah dibacakan di atas kuburnya surah al-Fatihah dan beberapa ayat terakhir dari surah al-Baqarah. Athar inilah yang dijadikan hujjah untuk menghalalkan kenduri arwah. Athar ini adalah batil kerana bertentangan dengan amalan para sahabat. Athar ini syaaz, tidak dapat diterima untuk dijadikan hujjah. Athar ini tidak pernah diterima walaupun oleh seorang sahabat sebagaimana keterangan di bawah ini:

وَامَّا مَا يَرْوِيْ عَنِ بْنِ عُمَرَ انَّهُ اُوْصِيَ بِقِرَاءَ ةِ الْفَاتِحَةِ وَخَوَاتِمَ الْبَقَرَةِ عَلَى قَبْرِهِ فَهُوَ اَثَرٌ شَاذٌ لَمْ يَصِحْ سَنَدُهُ وَلَمْ يُوَافِقْهُ عَلَيْهِ اَحَدٌ مِنَ الصَّحَابَةِ

"Dan apa yang telah diriwayatkan dari Ibnu 'Umar bahawasanya beliau mewasiatkan agar dibacakan al-Fatihah dan ayat-ayat terakhir dari surah al-Baqarah di atas kuburnya, maka itu adalah athar yang syaaz (tidak sahih) dan tidak sahih pula sanadnya. Dan tidak pernah dipersetujui (diterima) walaupun oleh seorang sahabat." (Lihat: Syarah al-Muhazzab, شرح المهذب Jld. 10. Hlm. 429. Ali as-Subki)

Adapun hadis yang menyuruh agar dibacakan ayat al-Quran kepada orang yang nazak atau orang mati terutamanya surah Yasin adalah hadis lemah. Di dalam sanadnya terdapat seorang yang bernama Saad yang dikenali sebagai Abu Uthman. Dia tidak diketahui keadaannya (مجهول الحال). Hadis yang dimaksudkan ialah:

اِقْرَؤُوْهَا عَلَى مَوْتَاكُمْ

"Bacakanlah oleh kamu (surah Yasin) ke atas orang yang hampir mati dari kalangan kamu". Hadis Riwayat Abu Daud (2714) al-Janaiz. Ibn Majah (1438). Hadis lemah.

Menurut hadis yang sahih, perkara yang sunnah dilakukan kepada orang nazak (bukan orang mati) ialah mengajarkan kalimah tauhid sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis di bawah ini:

لَقِّنُوْا عَلَى مَوْتَاكُمْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ

"Ajarkanlah oleh kamu orang-orang yang nazak di kalangan kamu dengan kalimah: La ilaha illallah".(H/R Muslim (1527), al-Janaiz. Turmizi (18980). al-Janaiz. Abu Daud (2710) al-Janaiz. Nasaii (1803). al-Janaiz, Ibn Majah (1430). Ahmad (10570P))

Hukum Mendoakan Orang Mati

Mendoakan si Mati adalah sunnah hukumnya bersandarkan firman Allah:

"Dan orang-orang yang datang sesudah mereka itu akan berkata: Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman sebelum kami". (al-Hasyr 59: 10)

"Ya Tuhan kami! Berilah keampunan kepadaku dan kedua ibu bapaku dan sekalian orang-orang mukmin pada hari terjadinya hisab." (Ibrahim 14: 41)

“Dan minta ampunlah bagi dosa-dosamu dan bagi orang-orang yang beriman". (MUHAMMAD 47: 19)

Menetapkan hari-hari tertentu, bulan-bulan tertentu atau kerana sesuatu sempena yang khusus dengan mengadakan majlis yasinan atau tahlilan adalah bid'ah.

Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam telah memperingatkan berkenaan perbuatan yang bid’ah:

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

"Sesiapa yang melakukan sesuatu amal yang bukan dari perintah kami (Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan Rasul-Nya) maka amalan itu tertolak". (Hadis Riwayat Muslim)

HUKUM MENETAPKAN SESUATU AMALAN TANPA DASAR YANG TSABIT ADALAH BID’AH

Menetapkan hari-hari tertentu, bulan-bulan tertentu atau kerana sesuatu sempena yang khusus dengan mengadakan majlis yasinan atau tahlilan adalah bid'ah.

Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam telah memperingatkan tentang perbuatan yang bid’ah:

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

"Sesiapa yang melakukan sesuatu amal yang bukan dari perintah kami (Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan Rasul-Nya) maka amalan itu tertolak". (Hadis Riwayat Muslim)

مَنْ اَحْدَثَ فِىْ اَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ. رواه البخارى ومسلم.

"Barangsiapa yang mengada-adakan sesuatu dalam urusan (agama) kami ini sedangkan ia bukan (dari kami) maka ia tertolak". (Bukhari dan Muslim)

مَنْ صَنَعَ اَمْرًا عَلَى غَيْرِ اَمْرِنَا فَهُوَ رَدٌّ

Barangsiapa yang mencipta suatu urusan (agama) yang bukan atas suruhan kami, maka ia tertolak (bid’ah)".

Sesiapa yang mendakwa bid'ah hasanah atau sunnah mengadakan majlis-majlis tertentu seperti mengkhususkan berdoa atau pembacaan al-Quran untuk menghadiahkan pahalanya kepada orang mati sedangkan tidak ada contoh dari syara, maka itu adalah suatu pembohongan terhadap Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam dan adalah merupakan perbuatan bid'ah yang sesat, bukan bid'ah hasanah. Orang yang membohongi Nabi pada perkara-perkara akidah dan ibadah, mereka akan menerima azab yang pedih. Baginda bersabda:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

"Sesiapa yang berbuat dusta (pembohongan) atas (nama)ku, maka hendaklah dia bersiap untuk menerima tempat duduknya dari api neraka".

Tidak ada penetapan masa, hari, tempat dan cara beribadah kecuali yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan dicontohkan oleh Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wa-sallam. Apa pun jenis amal sama ada berdoa atau membaca al-Quran apabila diubah-suai dan diadakan beberapa peraturan, maka ia termasuk bid'ah lebih-lebih lagi apabila dikhususkan untuk orang mati.

Mengkhususkan majlis kenduri arwah, tahlilan, yasinan atau selamatan masih dilakukan oleh masyarakat Islam, yang mana semua perbuatan tersebut tidak ada dalilnya dari al-Quran dan al-Hadis. Nabi telah melarang pengkhususan ibadah dimalam-malam tertentu atau berpuasa dihari-hari tertentu:

عَنْ أبِى هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لاَتَخُصُّوا لَيْلَةَ الْجُمْعَةِ بِقِيَامٍ مِنْ بَيْنِ اللَّيَالِى، وَلاَ تَخُصُّوا يَوْمَ الْجُمْعَةِ بِصِيَامٍ مِنْ بَيْنِ اْلأَيَّامِ اِلاَّ أنْ يَكُونَ فِى صَوْمٍ يَوْمُهُ أحَدكُمْ.

"Dari Abi Hurairah, dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam: Janganlah kamu khususkan malam Jumaat untuk melakukan ibadah antara malam-malam yang lain dan janganlah kamu menentukan Hari Jumaat sahaja untuk berpuasa antara hari-hari yang lain, kecuali memang singgah puasa (tidak secara langsung) yang dikerjakan oleh seseorang kamu." (Hadis Riwayat Muslim (1930) as-Siyam).

Menetapkan malam-malam tertentu sebagai malam sunnah untuk beribadah jika tidak ada contohnya dari syara tetapi hanya bertaklid tanpa hujjah, maka itu adalah bid'ah yang wajib dijauhi. Allah Subhanahu wa-Ta'ala berfirman:

"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu tauladan (contoh ibadah) yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharapkan (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat serta dia banyak mengingati Allah". (al-Ahzaab 33: 21).

Ayat ini telah menjelaskan bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam diutus semata-mata untuk dijadikan contoh dalam mengamalkan setiap ibadah jika mahu ianya diterima oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sesiapa yang ingkar mematuhi dan mencontohi Nabi Muhammad salallahu 'alaihi wa-sallam termasuklah bentuk bagaimananya (كَيْفِيَّة) dan cara-caranya, maka dia telah melakukan bid'ah dan menolak peranan Nabi Muhammad sebagai Rasul utusan. Baginda bersabda:

عَنْ اَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : كُلُّ اُمَّتِيْ يَدْخُلُوْنَ الْجَنّةَ اِلاَّ مَنْ اَبَى . قَالُوْا : يَارَسُوْلَ اللهِ وَمَنْ يَأْبَى؟ قَالَ مَنْ اَطَاعَنِيْ دَخَلَ الْجَنَّةَ وَمَنْ عَصَانِيْ فَقَدْ اَبَى.

"Dari Abu Hurairah radiallahu 'anhu dari Nabi salallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Setiap umatku akan masuk syurga kecuali orang yang enggan. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah orang yang enggan itu!? Rasulullah menjawab: Sesiapa yang taat kepadaku maka dia masuk syurga dan sesiapa yang durhaka kepadaku maka sesungguhnya dia telah enggan".

Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wa-sallam telah menunjuk ajar dengan sempurna cara melaksana ibadah dan menentukan sah batalnya hukum-ahkam dalam syara yang wajib dipatuhi oleh setiap mukmin.

Sesiapa yang menyalahi cara dan bagaimananya (kaifiat) Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wa-sallam serta para sahabat melaksanakan ibadah, maka dia telah membuat bid'ah dan fitnah. Allah Subhanahu wa-Ta'ala memberi peringatan dengan firman-Nya:

“Maka hendaklah diawasi oleh mereka yang menyalahi perintahnya (perintah Allah dan Rasul) bahawa mereka akan ditimpa fitnah atau ditimpa oleh seksa yang pedih". (an-Nuur 24: 630

تَرَكْتُكُمْ عَلَى الْبَيْضَاء لَيْلُهَا كَنَهَارِهَا لاَيَزِيْغُ عَنْهَا بَعْدِيْ اِلاَّ هَالِكٌ.

"Aku telah tinggalkan pada kamu agama ini dalam keadaan putih bersih (jelas). Malamnya seperti siangnya, tidak ada yang menyimpang daripadanya setelah (kewafatanku kecuali akan ditimpakan kepadanya) kehancuran". (Hadis diriwayatkan oleh Ahmad dengan sanadnya yang sahih)

Sesungguhnya jawaban orang-orang mukmin, bila mereka dipanggil kepada Allah dan rasul-Nya agar rasul menghukum (mengadili) di antara mereka ialah dengan mengucapkan, "Kami mendengar, dan kami patuh." Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung. (an-Nuur 24: 51)

Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu (Muhammad) sebagai hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya. (an-Nisa' 4: 65)